

PRAKTIS Ujian Akhir Sesi Akademik



Bahagian A

8.1 Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor Terhadap Tindakan Barat

1 Bagaimanakah pembahagian sempadan dilakukan mengikut Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok?

- Buku Teks** m.s. 200
- A Mengikut legeh dan sungai
 - B Mengikut kedudukan geografi
 - C Mengikut persetujuan masyarakat
 - D Mengikut etnik dan agama penduduk

Aras R Menganalisis

2 Mengapakah pemerintah berikut membantah Perjanjian Bangkok 1909?

Buku Teks m.s. 201

Perjanjian Bangkok 1909

Negeri	Pemerintah
Perlis	Raja Syed Alwi Jamalullail
Kedah	Sultan Abdul Hamid Halim Shah

- A Diturunkan takhta
- B Kehilangan wilayah
- C Diserang oleh British
- D Keselamatan terancam

Aras T Memahami

3 Bagaimanakah usaha sultan berikut mengecam tindakan Siam menyerahkan Terengganu kepada British?

Buku Teks m.s. 202

Sultan Zainal Abidin III

- A Memohon bantuan ketenteraan daripada Jerman
- B Mengemukakan bantahan kepada Gabenor NNS
- C Membatalkan jalinan hubungan luar dengan British
- D Menghentikan penghantaran bunga emas kepada Siam

Aras T Mengaplikasi

4 Maklumat berikut merujuk usaha Temenggung Daeng Ibrahim di Johor.

Buku Teks m.s. 203

Pada 1 Januari 1866, Sultan Abu Bakar telah memberi nama baharu pada bandar Iskandar Puteri.

Apakah nama baharu tersebut?

- A Segamat
- B Kota Tinggi
- C Batu Pahat
- D Johor Bahru

Aras T Mengingat

5 Maklumat berikut berkaitan dengan kewibawaan Temenggung Daeng Ibrahim di Johor.

Buku Teks m.s. 203

Temenggung Daeng Ibrahim telah menggalakkan kemasukan orang Cina untuk mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam.

Apakah sistem yang diperkenalkan oleh beliau untuk menggalakkan kemasukan orang Cina tersebut?

- A Sistem Surat
- B Sistem Bebas
- C Sistem Kangcu
- D Sistem Kangani

Aras R Mengingat

8.2 Tindakan Raja Melayu dalam Menangani Cabaran Barat

6 Dialog berikut mungkin berlaku di kalangan Raja-raja Melayu untuk menangani cabaran Barat.

Buku Teks m.s. 204

Sultan Perak: Beta mahu British mengembalikan kuasa kepada institusi raja

Sultan Pahang: Betul cadangan tuanku. Beta juga ingin mendesak British memberi perhatian kepada permasalahan orang Melayu

Bagaimanakah cadangan tersebut diserahkan kepada kuasa British?

- A Mesyuarat Raja-raja Melayu
- B Mengadakan demonstrasi
- C Menulis dalam akhbar
- D Melalui Durbar

Aras R Mengingat

- 7 Sultan berikut telah menandatangani Perjanjian British-Terengganu 1910.

Buku Teks
m.s. 205



Sultan Zainal Abidin III

Apakah syarat yang ditetapkan oleh baginda dalam perjanjian tersebut?

- A British memulihkan kedudukan raja-raja Melayu
- B British mengiktiraf orang Melayu adalah rakyat negeri
- C British melantik orang Melayu sebagai pegawai di jabatan
- D British mengakui Terengganu sebagai negeri yang merdeka

Aras S Mengingat

- 8 Apakah tindakan negeri Kedah untuk mengekalkan identiti sebagai negeri Melayu semasa penguasaan British?

- I Penggunaan kalendar Hijrah
 - II Cuti umum pada hari Jumaat
 - III Agama Islam sebagai agama rasmi
 - IV Akta Tanah Simpanan Melayu diluluskan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Aras S Menganalisis

- 9 Sultan Muhammad IV telah menandatangani perjanjian baharu dengan British pada tahun 1910 setelah menolak Perjanjian Bangkok 1909.

Apakah kandungan perjanjian tersebut?

- I Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa rasmi
 - II Pembesar negeri diberi pencen dan elaun
 - III Sultan dilarang mengadakan hubungan luar
 - IV J. S. Mason dilantik sebagai Penasihat British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Aras S Menganalisis

- 10 Apakah persamaan antara Undang-Undang Tubuh Kerajaan berikut?

Buku Teks
m.s. 208 - 209

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu

- I Hukuman terhadap kesalahan sivil
 - II Agama Islam sebagai agama negeri
 - III Keanggotaan Majlis Mesyuarat Kerajaan
 - IV Pelantikan Jawatan Penasihat Kewangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Aras T Menganalisis

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.

Buku Teks
m.s. 209

Melarang sultan menyerahkan negeri dan kerajaan kepada sebarang kuasa asing.

Apakah kesan daripada larangan tersebut terhadap Johor?

- A Mengelakkan eksploitasi terhadap sumber alam
- B Memperkukuhkan kuasa pemerintahan negeri
- C Mempertahankan identiti kerajaan negeri
- D Menghalang campur tangan kuasa Siam

Aras T Menganalisis

- 12 Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap kerajaan negeri Johor?

Buku Teks
m.s. 210

- Dato' Jaafar bin Muhammad
- Dato' Abdul Rahman bin Andak
- Dato' Mohammad Salleh bin Perang

- A Mengatasi ancaman serangan Siam
- B Menggubal undang-undang negeri
- C Mengelakkan campur tangan Barat
- D Menjayakan pembangunan negeri

Aras S Mengaplikasi

- 13 Kedah dapat mengembangkan sistem politik yang tersusun sebelum campur tangan British.

Buku Teks
m.s. 211

Mengapakah perkembangan tersebut berlaku?

- A Mempunyai pegawai berpengalaman
- B Memperkenalkan peperiksaan awam
- C Menerima idea daripada kuasa Barat
- D Menggubal undang-undang yang tegas

Aras S Mengaplikasi

8.3 Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri

14 Apakah pembesar Melayu yang mendapat gelaran berikut?

Buku Teks
m.s. 212

Tokoh Korporat Melayu Terulung

- I Long Jaafar
- II Ngah Ibrahim
- III Tengku Kudin
- IV Wan Muhammad Saman
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

Aras 5 Mengenalisis

15 Gambar berikut merupakan peta lengkap pertama bagi negeri Johor.

Buku Teks
m.s. 213



Siapakah yang melukis peta tersebut?

- A Sultan Zainal Abidin III
- B Dato' Abdul Rahman bin Andak
- C Dato' Muhammad Salleh bin Perang
- D Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad

Aras 5 Mengingat

16 Maklumat berikut berkaitan dengan kepimpinan tempatan di Sarawak.

Buku Teks
m.s. 215

- Abang Haji Bolhassan
- Datuk Patinggi Haji Abdillah
- Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi

Apakah persamaan sumbangan tokoh-tokoh tersebut?

- A Pengenalan pengajian Islam yang lebih formal
- B Penubuhan sebuah sekolah khas bagi kaum wanita
- C Penggunaan bahasa Inggeris dalam surat rasmi kerajaan
- D Penetapan pakaian rasmi kerajaan terhadap pegawai British

Aras 7 Mengingat

8.4 Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan dalam Menangani Cabaran Barat

17 Apakah kesan pemodenan dalam pentadbiran terhadap ekonomi negeri Johor pada abad ke-19?

Buku Teks
m.s. 216

- A Membaiki taraf hidup masyarakat
- B Menarik kemasukan pelabur asing
- C Menjadikan negeri pengeksport padi
- D Meningkatkan pengeluaran bijih timah

Aras 7 Mengenalisis

18 Apakah faktor yang membantutkan cita-cita British untuk meluaskan kuasa ke atas negeri Johor?

Buku Teks
m.s. 217

- A Pemodenan sistem pentadbiran kerajaan negeri
- B Penubuhan pelbagai badan dan jabatan kerajaan
- C Pembinaan kubu pertahanan di setiap muara sungai
- D Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri

Aras 8 Mengingat

19 Gambar berikut berkaitan dengan logo pasukan Rejimen Askar Melayu pertama.

Buku Teks
m.s. 218



Apakah semangat yang ingin dizahirkan melalui logo tersebut?

- I Kedaulatan undang-undang
- II Memupuk sikap bersatu padu
- III Menegakkan kesucian agama Islam
- IV Keberanian mempertahankan negara
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

Aras 5 Mengaplikasi

20 Skim Perkhidmatan Tadbir Melayu (PTM) telah ditubuhkan pada tahun 1910.

Buku Teks
m.s. 219

Apakah tujuan penubuhan perkhidmatan tersebut?

- A Menggantikan peranan pembesar tempatan
- B Mengetuai jabatan-jabatan kerajaan dan negeri
- C Melatih orang Melayu dalam pentadbiran negeri
- D Memelihara keselamatan dan kedaulatan negeri

Aras 5 Memahami